

## LIKU MENJADI ANAK ANGKAT

Adib (bukan nama sebenar) adalah anak angkat kepada pasangan Norziah (juga bukan nama sebenar) dan Azhar (bukan nama sebenar juga). Norziah telah memutuskan untuk membela Adib, yang asalnya merupakan anak kepada dua pupunya juga sementelah ibu dan bapa kandung Adib berpisah sedari kecil. Tambahan pula kedua ibu dan bapa kandung Adib bukanlah berada dalam golongan berada seperti pepatah Melayu 'kais pagi makan pagi, kais petang makan esok paginya pula'.

Apabila dipelihara Norziah dan Azhar, sudah tentulah Adib ini ditatang seperti minyak yang penuh. Melimpah ruah kasih dan sayang yang diberikan kepada Adib. Cuma sesekali, adalah juga Adib dibawa untuk berjumpa dengan ibu kandungnya, agar beliau tidak lupa kepada ibu kandungnya kerana syurga itu terletak di bawah telapak kaki ibu.

Namun, bahagia yang diharapkan tidaklah pernah berpanjangan. Selama mana pun terangnya siang, gelap malam pasti menjelma juga. Norziah disahkan menghidap kanser yang cukup ditakuti kaum wanita dan harapan beliau untuk meneruskan kehidupan hanya berbaki enam bulan sahaja. Perkara ini telah disahkan oleh doktor kepada beliau.

Mujurlah semasa hayat Norziah, beliau menyedari hak seorang anak angkat kepada harta pusaka keluarga angkatnya. Atas kesedaran ini, awal-awal lagi beliau telah membuat perancangan ke atas hartanya. Kerana terlalu kasihkan Adib umpama anak sendiri, Norziah telah menghibahkan rumah miliknya kepada Adib dan menulis Wasiat agar harta-harta beliau yang lain juga diserahkan kepada Adib.

Kesedaran untuk melakukan perancangan harta ini timbul dalam diri Norziah semasa beliau menonton rancangan temubual tajaan AmanahRaya. Beliau kemudiannya telah berurusan dengan AmanahRaya bagi penyediaan dokumen Hibah dan Wasiat tanpa diketahui oleh suaminya Azhar dan Adib sendiri.

Sepanjang tempoh menanti sisa hayatnya, Allah sememangnya mahu menguji tahap kesabaran dan keimanannya apabila Azhar, suaminya yang diharapkan untuk menjaga mereka, telah mula berubah sikap.

## LIKU PUN BERMULA

Ditakdirkan, kematian Norziah benar-benar menguji Adib. Ayah angkatnya, Azhar tidak lagi mahu mempedulikan beliau lagi dan beliau hilang tempat bergantung. Maka, pulanglah Adib ke pangkuan ibu kandungnya bagi meneruskan kehidupan.

Permulaan tinggal bersama ibu kandung amatlah canggung bagi Adib. Apatah lagi ibu kandungnya telah berkahwin lain dan mempunyai anak-anak bersama suami barunya. Tinggallah beliau bersama ibu kandung dan keluarga tirinya dalam sebuah rumah yang hanya bersaizkan separuh gelanggang badminton sahaja berbanding dengan kehidupan beliau bersama keluarga angkatnya dahulu. Namun inilah liku yang harus Adib lalui.

Manakala adik-beradik Norziah yang memang mengetahui tentang Wasiat yang ditulis oleh arwah, telah menghubungi AmanahRaya bagi memaklumkan tentang kematian Norziah. Dari sini bermulalah proses Pentadbiran Pusaka arwah di AmanahRaya yang telah dipohon oleh salah seorang adik beradik arwah.

Sepanjang tempoh pentadbiran pusaka di AmanahRaya, adik beradik arwah mengalami sedikit kesukaran untuk mengesan Adib apabila Adib dikatakan telah kembali ke pangkuan keluarga ibu kandungnya yang tidak diketahui berada di mana. Perkara ini telah dimaklumkan kepada AmanahRaya. Mereka hanya mempunyai Salinan kad pengenalan ibu kandung Adib sahaja. Butiran lain tiada dalam simpanan mereka.

Bermulalah tugas mencabar bagi AmanahRaya yang telah dilantik sebagai Wasi dan Pentadbir untuk mengesan Adib. AmanahRaya telah melaksanakan sesi 'Jejak Waris' bagi mengesan di mana Adib berada melalui alamat yang tertera dalam kad pengenalan ibu kandungnya. Setelah beberapa kali mencari, akhirnya ibu kandung Adib berjaya dikesan.

Malangnya pihak AmanahRaya telah dimaklumkan bahawa Adib tidak menetap bersama beliau lagi kerana berlaku perselisihan faham antara Adib dan bapa tirinya. Adib telah menetap bersama bapa kandungnya sejak beberapa bulan yang lalu.

Begitulah nasib yang menimpa Adib bila ibu angkatnya telah meninggal dunia. Tetapi Adib seorang yang cekal dalam meneruskan kehidupannya.

## PROSES PUSAKA SELESAI

Usaha menjejaki Adib bersama bapa kandungnya berlarutan sehingga beberapa bulan kerana alamat tempat tinggal bapa kandung Adib yang diberikan tidak begitu lengkap. Hanya menyatakan di Banting sahaja.

Akhirnya AmanahRaya berjaya menjejaki Adib dalam melaksanakan pembahagian harta. AmanahRaya telah memperolehi persetujuan waris-waris kepada arwah Norziah iaitu adik-beradik dan suami arwah bagi melaksanakan pembahagian pusaka arwah mengikut Wasiat yang ditulis di mana kesemua harta Norziah diserahkan sepenuhnya kepada Adib. Tiada bantahan daripada semua waris

Pada hari yang ditetapkan, Pegawai AmanahRaya telah bertemu dengan Adib bagi menyerahkan cek bayaran dan juga geran rumah yang menjadi milik Adib. Beliau sangat terkejut dan tidak menyangka yang ibu angkatnya telah meninggalkan harta buat beliau. Beliau amat bersyukur di atas apa yang diterima. Tidak dapat digambarkan perasaan beliau ketika itu.

Sebelum berpisah, sempat juga Pegawai AmanahRaya menitipkan beberapa pesanan kepada Adib memandangkan beliau masih muda supaya tidak mensia-siakan apa yang diterima olehnya dan menggunakan harta peninggalan arwah ibu angkatnya sebaik mungkin serta tidak melupakan kedua ibubapa kandung beliau juga.

## PENGAJARAN

1. Sesiapa pun yang telah mengambil anak angkat, haruslah mengetahui hak anak angkat tersebut dalam harta pusaka peninggalan keluarga angkat.
2. Jangan diputuskan hubungan anak angkat dengan keluarga kandungnya, kerana hubungan dan hak pewarisan dengan keluarga kandungnya tidak akan terputus.
3. Membuat perancangan pewarisan seperti menyediakan Wasiat atau Hibah jika ingin anak angkat mewarisi harta. Melalui instrumen ini, anak angkat akan berpeluang mewarisi harta keluarga angkatnya.